

15/05/1998

Al-Azhar kiblat ilmu umat Islam

Abdurrahman Haqqi

RAJA terakhir Mesir sebelum ia menjadi republik pada pertengahan abad ini (tak payah disebut namanya), meminta Syeikh Besar al-Azhar waktu itu, Syeikh Mustafa al-Maraghi untuk mengeluarkan fatwa yang menyatakan bahawa orang lain diharamkan berkahwin dengan isteri-isterinya jika dia wafat. Salah satu dalil yang dirujuk raja adalah qiyas kepada ayat yang bermaksud: "Dan kamu tidak boleh sama sekali menyakiti Rasulullah, dan tidak boleh berkahwin dengan isteri-isterinya sesudah dia wafat, selamanya. Sesungguhnya segala yang tersebut itu adalah amat besar dosanya di sisi Allah" (QS. al-Ahzab: 53).

Sebagai orang yang bertanggungjawab atas kesucian dan kemurnian Islam sejagat daripada dikotori siapapun juga termasuk raja, tentu saja Syeikh Besar menolak bulat-bulat permintaan raja berkenaan. Ini kerana qiyas yang digunakan raja tidak tepat bahkan ia menyeleweng kerana ayat itu khas untuk isteri-isteri Nabi. Sejak bilakah raja berkenaan menyamakan dirinya dengan Nabi, tanya al-Maraghi.

Mesir berubah daripada bentuk kerajaan kepada republik selepas raja di atas digulingkan. Pengubahsuaian bentuk kerajaan ini dilakukan oleh sekelompok tentera muda Mesir yang menamakan diri Dubbat al-Ahrar di bawah pimpinan Mohamad Neguib, presiden pertama Mesir sebelum disingkirkan oleh Jamal Abdul Nasir sebagai presiden kedua. Presiden ketiga adalah Anwar Sadat manakala presiden yang sekarang, Hosni Mubarak adalah presiden keempat.

Jika presiden Mesir baru ada empat orang, sebaliknya Syeikh Besar al-Azhar sudah beratus jumlahnya kerana ia sudah berumur 1,000 tahun lebih. Ini bermakna al-Azhar lebih besar daripada Mesir itu sendiri. Yang lebih besar daripada Mesir ini, Sabtu lalu menganugerahkan ijazah doktor falsafah persurat kehormat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana sumbangannya dalam memajukan Islam menerusi pandangan dan sikapnya berhubung perjuangan Islam.

Sulit dinaikkan pengaruh al-Azhar terhadap perkembangan Islam lebih besar daripada Mesir itu sendiri kerana al-Azhar adalah kiblat ilmu umat Islam sejagat sepertimana Kaabah kiblat solat mereka walaupun ia berada di Arab Saudi. Setiap umat boleh menjadi 'Azhari' atau lulusan al-Azhar dengan belajar di sana kemudian kembali ke negara asal akan tetapi jika ingin menjadi orang Mesir manakala al-Azhar adalah untuk umat Islam. Orang bukan Mesir lulusan Azhar boleh menjadi presiden di negaranya seperti Presiden Makmun dari Maldives tetapi orang Mesir tidak boleh menjadi presiden di negara lain. Ini kelebihan al-Azhar yang lain.

Al-Azhar sebagai institusi rujukan umat Islam dunia tidak pernah berdiam diri dalam menangani kemusykilan mereka. Apa saja masalah keagamaan yang muncul pasti mereka akan selesaikan dan yang terakhir adalah masalah pengklonan manusia yang difatwakan haram dan umat Islam diseru untuk memikirkannya saja tidak boleh apatah lagi merealisasikannya kerana ia bercanggah dengan akidah, akhlak dan fikah Islam yang benar.

Ulama al-Azhar mempunyai pakaian seragam khas yang terdiri dari jalabiah atau jubah dan imamah berwarna merah yang dibalut kain putih. Pakaian seragam ini sudah menjadi paten ulama al-Azhar di mana orang lain tidak boleh dan juga tidak sanggup memakainya kecuali 'orang bermasalah'. Di seluruh negeri Arab bahkan dunia, ulama yang memakainya sangat dihormati dan disegani. Anda mungkin masih ingat kejadian di Kanada tahun lalu di mana Kanada meminta maaf kepada al-Azhar dan berjanji tidak akan

mengulangi perbuatannya. Sebabnya adalah perlakuan pihak keamanan Kanada yang memaksa seorang ulama al-Azhar menanggalkan pakaian seragamnya demi pemeriksaan keselamatan ketika memasuki negara berkenaan. Tetapi ia ditolak ulama terbabit demi mempertahankan maruah dan kebesaran al-Azhar yang menyebabkan pihak keamanan menggunakan kekerasan untuk menanggalkannya.

Nah, dengan kebesaran dan keistimewaan al-Azhar di atas, seorang pemimpin umat Islam Asia dipilihnya untuk dianugerahkan ijazah keilmuan tertinggi. Pemilihan ini bukanlah suatu perkara biasa kerana apabila al-Azhar sendiri yang menganugerahkannya ia tidak dipengaruhi hawa nafsu manusia biasa akan tetapi menerusi pertimbangan ulamanya yang berkaliber, berwibawa dan yang memiliki dedikasi keilmuan unggul. Sepanjang perjalanan sejarahnya, al-Azhar tidak pernah dipengaruhi pemimpin politik Mesir malah sebaliknya.

Selama ini al-Azhar memerhati setiap langkah perjuangan Dr Mahathir demi kepentingan mengangkat maruah Islam di negaranya dan juga pentas dunia. Dan yang paling menyentuh kesedaran al-Azhar adalah perjuangan Dr Mahathir akhir-akhir ini berdepan dengan spekulator dan manipulator kewangan kelas dunia yang menjadi agenda perjuangan al-Azhar juga. Segala sepak terajang itu telah meyakinkan al-Azhar bahawa beliau layak menerima anugerahnya dan sebaliknya al-Azhar berasa bangga jika seorang umat sekaliber Dr Mahathir menjadi salah seorang warganya.

Menurut hemat saya, al-Azhar memerhati negara Islam yang mempunyai komitmen terhadap pembangunan dan kemajuan negaranya dan Islam; memiliki hasrat kuat untuk mengusahakan tercapainya kepercayaan diri; mendirikan platform institusi dan perundangan yang memadai untuk mendukung perkembangan negara dan Islam; dan menerapkan cara yang tepat dalam menjalankan pentadbiran aktiviti pembangunan dan kemajuan.

(END)